

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
HOSPITAL AL-SULTAN ABDULLAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

I. Pengenalan

Hospital Al-Sultan Abdullah Universiti Teknologi MARA (selepas ini dirujuk sebagai "HASA") adalah tertakluk kepada prinsip perlindungan data peribadi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai "PDPA") yang telah berkuatkuasa mulai 15 November 2013, untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. Terma-terma "data peribadi", "pemprosesan" dan "transaksi komersial" mempunyai maksud sepertimana yang ditakrifkan dalam PDPA.

II. Keperluan data peribadi

Pesakit diwajibkan untuk memberikan kepada pihak HASA data peribadi mereka. Sekiranya pesakit gagal untuk memberikan data peribadi mereka, pihak HASA mungkin tidak dapat memproses dan/atau menzahirkan data peribadi mereka bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di dalam item (C) di bawah.

III. Pemakaian

Notis Data Peribadi ini terpakai bagi mana-mana pihak yang data peribadinya diproses oleh HASA.

IV. Pemakluman

Pihak HASA ingin memaklumkan bagaimana data peribadi pesakit yang menerima rawatan di HASA diproses oleh dan bagi pihak HASA:

A) Sumber Data Peribadi

Data peribadi pesakit dikumpul daripada pelbagai sumber, termasuk maklumat yang telah pesakit berikan kepada pihak HASA, maklumat daripada pihak ketiga dan maklumat dalam domain awam.

B) Jenis Data Peribadi

Data peribadi pesakit yang diproses oleh pihak HASA termasuk, mana-mana yang berkenaan:

- Nama,
- Tarikh lahir,
- Nombor Kad Pengenalan, Mykid atau nombor pasport,
- Nama majikan/syarikat,
- Alamat rumah dan pejabat,
- Nombor telefon/ telefon bimbit, nombor faks,
- Alamat e-mel,
- Pekerjaan,
- Umur,
- Jantina,
- Status perkahwinan,
- Pendapatan bulanan dan seisi rumah
- Maklumat pendidikan
- Berat,
- Tinggi,
- Gambar,
- Bangsa,
- Kerakyatan,
- Agama,
- Maklumat keluarga/ keluarga terdekat,
- Keputusan pemeriksaan perubatan,
- Rekod perubatan,
- Laporan perubatan,
- Diagnosis,
- Maklumat kesihatan,
- Rekod jenayah,
- Keputusan siasatan,
- Maklumat insurans dan;

- Data peribadi lain yang diperlukan untuk tujuan yang dinyatakan dalam perenggan (C) di bawah.

C) Tujuan Data Peribadi

Data peribadi pesakit diproses bagi tujuan-tujuan seperti berikut, atau mana-mana yang berkenaan:

1. Untuk perkhidmatan perubatan dan jagaan kesihatan
2. Untuk membantu keperluan peribadi pesakit
3. Untuk mewujudkan dan menguruskan rekod-rekod perubatan dan laporan-laporan perubatan
4. Untuk membantu proses pembayaran berkaitan dengan pesakit
5. Untuk menjalankan prosiding terhadap penghutang bagi mendapatkan semula hutang
6. Untuk melaporkan data peribadi kepada pihak berkuasa dan/atau pihak-pihak ketiga di bawah undang-undang yang berkaitan dengan industri jagaan kesihatan
7. Untuk berkongsi data peribadi dengan HASA, Fakulti Perubatan UiTM, UiTM Private Specialist Centre (UPSC) dan institusi dibawah seliaan UiTM
8. Untuk menjalankan penyelidikan, analisis dan penambahbaikan
9. Untuk memasarkan dan mengiklankan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan
10. Untuk mentadbir dan memberi maklum balas mengenai permintaan, pertanyaan, aduan dan isu undang-undang
11. Untuk membantu aktiviti-aktiviti pengurusan sumber manusia berkaitan dengan pekerja-pekerja
12. Untuk penghantaran dan pendaftaran borang-borang, lesen-lesen yang berkaitan kepada pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dan/atau pihak-pihak ketiga di bawah undang-undang yang berkaitan dengan industri jagaan kesihatan
13. Bagi tujuan pembelian barang, perkhidmatan sumber luar, pembangunan baru dan lain-lain
14. Untuk tujuan pendidikan dan latihan
15. Untuk apa-apa tujuan lain yang bersampingan dengan atau berlanjutan daripada tujuan yang dinyatakan di atas.

D) Penzahiran Data Peribadi (*Disclosure of Personal Data*)

Data peribadi pesakit boleh dizahirkan kepada pihak-pihak berikut, berdasarkan mana-mana yang berkenaan:

1. Profesional jagaan kesihatan (sebagaimana yang ditakrifkan di dalam PDPA)
2. HASA, Fakulti Perubatan UiTM, UiTM Private Specialist Centre (UPSC) dan institusi dibawah seliaan UiTM
3. Agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, dan agensi-agensi bukan kerajaan
4. Agen-agen pembayaran dan insurans
5. Pihak-pihak dan agensi-agensi pemungut hutang
6. Institut-institut perbankan
7. Firma-firma guaman
8. *Auditor*
9. Vendor/Kontraktor
10. Hospital-hospital kerajaan dan swasta yang lain
11. Penyedia-penyedia jagaan kesihatan yang lain
12. Penyedia-penyedia latihan
13. Keluarga dan keluarga terdekat pesakit
14. Kepada pihak-pihak lain seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang, mahkamah, pengawal selia atau proses undang-undang yang memerlukan penzahiran
15. Kepada pihak-pihak lain yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia
16. Kepada mana-mana pihak yang mana HASA fikirkan perlu

E) Akses dan Kemaskini Data Peribadi

HASA akan melakukan yang terbaik untuk memastikan data peribadi mengenai pesakit adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Jika terdapat sebarang perubahan ke atas data peribadi pesakit atau pesakit percaya bahawa data peribadinya adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini, sila hubungi pihak kami agar kami dapat mengambil langkah-langkah perlu untuk mengemaskini data peribadi tersebut.

Pesakit berhak untuk mengakses data peribadi mereka. Jika pesakit ingin memohon untuk mengakses data peribadi mereka, sila hubungi pihak kami. Kami menyarankan agar

permohonan pesakit untuk mengakses data peribadi yang dikendalikan oleh HASA dibuat secara bertulis. Pihak kami juga mungkin akan mengambil langkah-langkah pengesahan identiti sebelum permohonan mengakses data peribadi tersebut diproses.

Selaras dengan PDPA: dan bergantung kepada maklumat yang dipohon, pihak HASA boleh mengenakan bayaran yang selaras dengan Jadual Pertama (Peraturan 2) Peraturan-peraturan Perlindungan Data Peribadi (Fi) 2013 untuk memproses permohonan pesakit untuk mengakses data peribadi.

Pihak HASA berhak dan boleh menolak permohonan pesakit untuk mengakses atau membuat pembetulan ke atas mana-mana data peribadi yang selaras dengan peruntukan PDPA.

F) Hak-hak pesakit

Sebagai pemilik data peribadi, pesakit adalah berhak:

- i. Hak diberitahu tujuan data peribadi pesakit diproses
- ii. Hak pesakit untuk mengakses data peribadi sekiranya perlu
- iii. Hak pesakit untuk membetulkan kesilapan data peribadi yang telah diproses
- iv. Hak pesakit untuk menarik balik kebenaran memproses data peribadi mereka
- v. Hak pesakit untuk menghalang pemprosesan data peribadi yang mungkin menyebabkan kerosakan atau menyukarkan pihak pesakit
- vi. Hak untuk menghalang pemprosesan data peribadi bagi tujuan pemasaran langsung
- vii. Hak untuk kebebasan dari membuat keputusan secara automatik

G) Hubungi Kami

Sila hubungi kami dengan menggunakan cara-cara seperti di bawah jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda:

Alamat:

Jabatan Maklumat Pesakit
Aras 5
Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM
42300 Bandar Puncak Alam
Selangor.

Nombor Telefon:

03-33963000 Ext: 14802 / 14814

Email:

medicalrecordhuitm@uitm.edu.my

Sekiranya pesakit tidak membenarkan pihak HASA memproses / mengakses/ menzahirkan data peribadi mereka, pesakit perlu menandatangani borang penarikan kebenaran memproses/ mengakses/ menzahirkan data peribadi (HUiTM-CSD-MR-F-013-00).

.....

Dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda dengan ini, membenarkan pemprosesan data peribadi selaras dengan segala yang dinyatakan di atas.

PENARIKAN KEBENARAN MEMPROSES, MENGAKSES, MENZAHIRKAN DATA PERIBADI PESAKIT

Saya , _____

MyKad/ MyKid / Pasport No. : _____

Dengan ini ingin menarik balik kebenaran kepada Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM untuk terus memproses data peribadi:

- Diri saya
- Pesakit

Nama Pesakit : _____

Mykad/Mykid /Pasport : _____

*(sila tandakan yang berkaitan)

Dengan persetujuan menarik balik kebenaran ini, saya faham bahawa:

- a) Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM berhak untuk menolak perkhidmatan, dan
- b) Saya/ pesakit tidak akan mendapat perkhidmatan seterusnya di Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

.....
(Tandatangan Pesakit/Penjaga)

.....
(Tandatangan saksi)

Nama:

Nama:

No. K/P

No. K/P

Tarikh:

Tarikh: